

Penggunaan Strategi Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Guru Prasekolah Berdasarkan Pengalaman Mengajar (Use of English Teaching Strategies as a Second Language Among Preschool Teachers Based on Teaching Experience)

Norhartini Yusoff & Suziyani Mohamed

ABSTRAK

Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Prasekolah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang mencabar bagi guru Prasekolah yang bukan opsyen Bahasa Inggeris. Oleh itu kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru Prasekolah. Perbezaan penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar turut dilaksanakan. Seramai 62 orang guru Prasekolah di seluruh Malaysia telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Data diperolehi melalui soal selidik. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik iaitu, bahagian A: Maklumat Demografi dan bahagian B: Penggunaan Strategi Pengajaran. Perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) telah digunakan dalam proses analisis data. Ujian ANOVA telah digunakan bagi menentukan perbezaan penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris. Hasil kajian bagi tahap penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua oleh guru Prasekolah berada pada tahap sederhana. Manakala dapatan analisis ANOVA menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan penggunaan strategi Bahasa Inggeris berdasarkan pengalaman mengajar guru di prasekolah. Dapatan ini menunjukkan tiada perbezaan penggunaan strategi pengajaran bahasa oleh guru prasekolah novis dan guru prasekolah yang telah lama berkhidmat. Ini menunjukkan latihan pra-perkhidmatan yang disediakan untuk bakal guru prasekolah cukup untuk menyediakan mereka dengan pengetahuan mengenai strategi pengajaran bahasa untuk kanak-kanak.

Kata Kunci: strategi pengajaran; Bahasa Inggeris; Bahasa Kedua; prasekolah; pengalaman mengajar

ABSTRACT

The use of English as a second language in preschool teaching and learning activities presents a challenging process for preschool teachers who are not specialized in English. Therefore, this study was conducted to identify the use of English teaching strategies among preschool teachers. The study also examined the differences in the use of English teaching strategies based on teaching experience. A total of 62 preschool teachers across Malaysia were randomly selected as respondents for the study. Data was obtained through a questionnaire. The questionnaire consisted of two sections: Section A, which covered demographic information, and Section B, which focused on the use of teaching strategies. The Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software was used for data analysis. An ANOVA test was conducted to determine the differences in the use of English teaching strategies. The study found that the level of use of English teaching strategies as a second language by preschool teachers was moderate. The results of the ANOVA analysis showed that there were no significant differences in the use of English strategies based on teaching experience. These findings indicate that there is no difference in the use of teaching strategies between novice preschool teachers and those with long-term experience. This suggests that the pre-service training provided to prospective preschool teachers is sufficient to equip them with the knowledge of language teaching strategies for children.

Keywords: Teaching Strategies; English Language; Second Language; Preschool; Teaching Experience

PENGENALAN

Pendidikan Prasekolah merupakan program Pendidikan yang dihaskan kepada kanak-kanak yang berumur empat hingga lima tahun. Program ini bertujuan untuk memupuk sikap positif, menguasai kemahiran asas, memperkembang potensi secara menyeluruh sebagai persediaan ke sekolah rendah. Di samping itu, ianya bertujuan untuk menanam keyakinan diri, membantu kanak-kanak dengan asas sosiolisasi yang kukuh dan jati diri yang positif. Malah, pendidikan Prasekolah adalah proses awal untuk merangsang perkembangan holistik kanak-kanak dalam persediaan untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada pembangunan modal insan, keutamaan adalah berdasarkan penglibatan aktif, pengalaman, selamat dan menyeronokkan.

Manakala Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) memberi persekitaran pembelajaran yang selamat, aktiviti yang menyeronokkan, bermakna dan kreatif dalam memperkembang potensi kanak-kanak berumur 4-6 tahun secara menyeluruh dan bersepadu. Hal tersebut dapat meningkatkan kemahiran, membentuk konsep sendiri yang positif dan menanam keyakinan diri kanak-kanak. Oleh itu, pendidikan Prasekolah merupakan pengalaman awal yang sangat penting untuk pembelajaran yang selanjutnya (Masnan et al. 2018).

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah mengalami perubahan sejak dari tahun 2010 lagi. Pada tahun 2016, kurikulum Prasekolah telah disemak untuk kali kedua dan pada tahun 2017 sekali lagi ianya telah disemak. Terdapat perubahan yang ketara dalam KSPK semakan 2017 antaranya adalah penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar telah dititikberatkan iaitu pembahagian penggunaan kedua-dua bahasa ini telah diperincikan dengan lebih jelas. Oleh itu, guru perlu mempertingkatkan lagi penguasaan kemahiran mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah kerana setiap guru mempunyai kaedah dan strategi penyampaian pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang tersendiri. Dalam memastikan proses PdP dapat dijalankan secara optimum, bahan bantu mengajar telah disediakan oleh guru dari pelbagai sumber dan bentuk (Rahman et al. 2018). Baron (2013) menyatakan bahawa dalam memastikan matlamat dan objektif kurikulum tercapai serta pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah berjalan dengan baik, guru-guru perlu dilengkapi dengan pelbagai kandungan pengetahuan dan pedagogi.

Di Malaysia, pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua telah diajar bermula di peringkat Prasekolah lagi. Malah, sejak Prasekolah mula diperkenalkan pada

tahun 1993 lagi, pembelajaran Bahasa Inggeris telah dirangka secara terperinci di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Terdapat objektif yang perlu dicapai oleh Prasekolah di bawah pembelajaran Bahasa Inggeris. Ia merangkumi mendengar dan memberi respon dengan lisan dan bukan lisan, berkomunikasi dengan menggunakan ayat mudah secara bertatatusila, membaca dan memahami ayat mudah serta menulis perkataan dan frasa. Bagi memastikan objektif ini menepati sasaran yang telah ditetapkan maka peranan guru sangat penting dalam menentukan strategi pengajaran yang berkesan. Oleh itu, objektif kajian adalah seperti berikut;

1. Mengenal pasti penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru Prasekolah.
2. Mengenal pasti perbezaan penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar.

TINJAUAN LITERATUR

Bahasa sebagai alat komunikasi memainkan peranan yang sangat penting dalam hubungan sosial dalam kalangan manusia (Hashemi et al. 2011). Pembelajaran bahasa adalah proses yang kompleks. Ia bukan sahaja berkaitan dengan kognisi, psikologi, emosi dan minat tetapi juga dipengaruhi oleh persekitaran (Si 2019). Dalam masyarakat pada hari ini, Bahasa Inggeris menjadi bahasa keutamaan pada masa kini dan kebanyakannya digunakan di seluruh dunia. Menurut Savić (2006), Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang diguna pakai sebagai bahasa asing di sekolah-sekolah seluruh dunia.

Majoriti guru Prasekolah bukan terdiri daripada opsyen Bahasa Inggeris dan ini merupakan satu proses yang mencabar dalam memastikan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua digunakan dalam aktiviti PdP di peringkat Prasekolah. Di samping itu, Bahasa Inggeris merupakan bahasa global yang ditutur secara meluas dan ianya digunakan dalam semua bidang misalnya sains, sains sosial, seni, perdagangan, perniagaan dan diplomasi. Setiyanti (2021) menyatakan bahawa mempelajari bahasa kedua ialah usaha yang sangat panjang dan kompleks. Banyak faktor mempengaruhi dalam usaha untuk memindahkan bahasa pertama ke dalam bahasa baru iaitu budaya, cara berfikir, perasaan dan perbuatan apabila mempelajari bahasa kedua ini. Dalam pembelajaran bahasa, kanak-kanak mula belajar ungkapan mudah. Secara umum, kanak-kanak belajar peraturan abstrak daripada bahasa yang mereka dengar, malah mereka juga mempelajari ungkapan yang tidak pernah mereka dengar sebelum ini.

Kajian yang dijalankan oleh Khalid et al. (2017), menyatakan bahawa di Pakistan selain daripada bahasa Urdu, Bahasa Inggeris merupakan bahasa utama yang digunakan dalam kehidupan seharian di Pakistan. Ini adalah kerana hampir 80% daripada semua jenis surat menyurat di Pakistan menggunakan Bahasa Inggeris. Manakala kajian yang dilakukan oleh Klimova (2013), mengajar Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak Prasekolah menjadi trend sejak 10 tahun lalu di Republik Czech dan trend itu terus meningkat sejak itu. Pada masa kini, semakin ramai ibu bapa mahu anak-anak mereka belajar bahasa asing terutamanya Bahasa Inggeris. Ini disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Achkasova (2013) bahawa, ibu bapa di Rusia mahu anak-anak mereka mempelajari Bahasa Inggeris dari peringkat awal umur anak-anak mereka.

Menurut Chabbi (2020), pembelajaran Bahasa Inggeris pada tahun-tahun awal kehidupan sangat penting dalam aspek meningkatkan kebolehan kreatif, kecerdasan dan perkembangan perbendaharaan kata kanak-kanak. Di samping itu, ia dapat membina kebolehan kognitif mereka dan mengembangkan pengetahuan kanak-kanak tentang persamaan dan perbezaan bahasa. Abdullah et al. (2021) pula telah membangunkan sebuah perisian fonik yang boleh digunakan oleh guru Prasekolah di dalam bilik darjah. Perisian tersebut yang dinamakan *Come, and Read, Sayang!* dijadikan bahan bantu mengajar oleh guru Prasekolah. Perisian tersebut menggunakan model *Bottom-Up* iaitu pendekatan membaca yang bermula dari unit paling kecil (gabungan huruf dan bunyi) kepada unit yang paling besar sebagai kandungan perisian.

Penggunaan perisian dalam PdP Bahasa memerlukan penguasaan pengetahuan, kemahiran profesional khusus dalam bidang pendidikan dan subjek yang diajar, pematuhan kepada undang-undang dan arahan semasa (Masnan et al. 2018). Guru Prasekolah yang berkualiti adalah guru yang dapat memenuhi tiga aspek utama dalam Standard Guru Malaysia (SGM), iaitu amalan nilai profesional dalam keguruan, mempunyai kefahaman yang baik dan kemahiran pengajaran yang berkesan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009a). Seterusnya, amalan pedagogi yang berkualiti oleh guru dapat membina asas yang kukuh kepada murid Prasekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010b). Dalam memastikan PdP yang berkesan, strategi dan teknik pengajaran guru merupakan faktor utama dalam memastikan pelajar dapat memahami apa yang diajar.

Teknik pengajaran merujuk kepada bagaimana guru menggunakan strategi untuk tujuan menghasilkan pengajaran yang berkesan. Selain itu, teknik pengajaran yang tersusun dan pelbagai dapat membantu guru mencapai pengajaran yang diinginkan (Jacobs 2010). Peranan guru sangat penting dalam pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris di dalam kelas. Namun, majoriti guru Prasekolah

di Malaysia adalah bukan opsyen dalam Bahasa Inggeris. Jain (2017) berpendapat bahawa guru perlu pandai menghubungkan sesuatu pelajaran itu sama ada mata pelajaran yang diajar atau pun tidak. Malah, pada tahap prasekolah, guru-guru perlu mengaplikasikan strategi yang bersesuaian supaya proses pembelajaran dan pemudahcaraan dapat dilaksanakan dengan lancar seperti perkembangan fizikal, emosi, dan sosial kanak-kanak (Yee et al. 2020). Yong et al. (2014) menyatakan bahawa guru Prasekolah perlu menguasai kemahiran dan ilmu dalam aspek-aspek perkembangan kanak-kanak. Ini adalah sejajar dengan matlamat pendidikan Prasekolah yang menekankan kepada perkembangan menyeluruh, menyediakan kemahiran asas dan memupuk sikap positif murid. Seterusnya, bagi memudahkan kefahaman dan pembelajaran murid, guru perlu mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam (Eggen et al. 2011).

Pengalaman mengajar guru merupakan salah satu faktor yang menentukan keberhasilan dalam bidang pendidikan. Pengalaman mengajar dalam hal ini adalah tempoh berkhidmat semasa menjadi guru. Tempoh masa berkhidmat sebagai guru akan memberikan pengalaman yang berbeza kepada setiap guru. Dengan kata lain, semakin lama seseorang guru itu berkhidmat, semakin banyak pengalaman yang mereka perolehi (Rakib et al. 2016). Menurut Lovorn (2017), keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah dipengaruhi oleh tempoh pengalaman mengajar guru sepanjang perkhidmatan mereka. Hasil kajian yang dilakukan oleh Hassan (2014), objektif pengajaran dan pembelajaran sukar dicapai kerana guru mempunyai kurang pengalaman dan kemahiran mengajar. Pernyataan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Chia (2015) yang menyatakan bahawa pengalaman mengajar guru mempengaruhi amalan pengajaran yang efektif di dalam bilik darjah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan rekabentuk tinjauan dengan penggunaan soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data. Soal selidik ini terdiri daripada Penggunaan Strategi Pengajaran Guru Prasekolah dalam Pengajaran Bahasa Inggeris. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik iaitu, bahagian A: Maklumat Demografi dan bahagian B: Penggunaan Strategi Pengajaran. Terdapat tujuh item dalam bahagian A iaitu jantina, umur, status, taraf Pendidikan, pengalaman mengajar sebagai guru Prasekolah, jenis sekolah mengajar dan lokasi sekolah. Bahagian B pula mengandungi lapan pembahagian strategi pengajaran iaitu strategi untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi, strategi untuk meningkatkan kesedaran fonologikal, strategi untuk meningkatkan kesedaran

cetakan, strategi untuk meningkatkan pengetahuan dan penghargaan terhadap buku, strategi untuk meningkatkan pengetahuan abjad, strategi untuk meningkatkan tulisan awal, strategi untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak dan strategi berdasarkan kerja kumpulan.

Soal selidik diedarkan menggunakan medium yang sesuai iaitu dengan menggunakan aplikasi *Whatsapp*, *Email*, *Telegram* dan *Facebook*. Terdapat 49 soalan keseluruhan dalam soal selidik yang telah diedarkan. Soal selidik ini terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A (Demografi) dan bahagian B (Penggunaan strategi Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua oleh guru Prasekolah).

Jadual di 1.1 menunjukkan demografi yang terdapat di dalam soal selidik yang telah diedarkan. Terdapat enam

item yang perlu dijawab oleh responden dalam bahagian demografi ini. Antaranya ialah pilihan jantina iaitu sama ada lelaki atau perempuan. Manakala bagi item umur pula terdiri daripada empat kategori iaitu kategori umur 20-29 tahun, 30-39 tahun, 40-49 tahun dan akhir sekali 50 tahun ke atas. Pilihan status pula terdiri daripada belum berkahwin, berkahwin, duda atau janda. Manakala taraf Pendidikan, pilihannya terdiri daripada SPM/STPM, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PHD. Bagi pengalaman mengajar, pilihannya terdiri daripada kurang 3 tahun, 4-7 tahun, 8-11 tahun dan 12 tahun ke atas dan akhir sekali ialah jenis lokasi sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK (C)), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil CSJK (T)) dan lain-lain.

Jadual 1.1 Demografi (Bahagian A)

Jantina	Umur (Tahun)	Status	Taraf Pendidikan	Pengalaman Mengajar (Tahun)	Lokasi Sekolah
Lelaki	20-29	Belum Berkahwin	SPM/STPM	< 3	SK
Perempuan	30-39	Berkahwin	Diploma	4-7	SJK (C)
	40-49	Duda/Janda	Ijazah Sarjana Muda	8-11	SJK (T)
	50 ke atas		Sarjana	12 >	Lain-lain
			PhD		

Jadual 1.2 menunjukkan penggunaan strategi pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua oleh guru Prasekolah. Jumlah keseluruhan ialah 49 soalan. Bagi kod item D1-D6, itemnya ialah strategi untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi dan mempunyai enam soalan. Bagi item strategi untuk meningkatkan kesedaran fonologikal pula, kod itemnya ialah dari D7-D10 iaitu mempunyai empat soalan sahaja. Seterusnya, kod item D11-D16, itemnya ialah strategi untuk meningkatkan kesedaran cetakan yang terdiri daripada enam soalan. Di samping itu, item bagi strategi untuk meningkatkan pengetahuan dan penghargaan terhadap buku, kod itemnya terdiri dari D17-D23 dan mempunyai tujuh soalan. Item bagi strategi untuk meningkatkan pengetahuan abjad, kod item terdiri dari D24-D29. Item ini mempunyai enam soalan yang perlu dijawab oleh responden. Bagi kod item D30-D36 pula, itemnya ialah strategi untuk meningkatkan tulisan awal dan mempunyai enam soalan manakala strategi untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak kod itemnya terdiri dari D37-D44. Item ini mempunyai lapan soalan. Akhir sekali ialah item strategi berdasarkan kerja kumpulan. Kod itemnya terdiri dari D45-D49 dan mempunyai lima soalan sahaja.

Jadual 1. 2 Penggunaan Strategi Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua oleh guru Prasekolah (Bahagian B)

Item	Kod Item	Jumlah soalan
Strategi untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi	D1-D6	6
Strategi untuk meningkatkan kesedaran fonologikal	D7-D10	4
Strategi untuk meningkatkan kesedaran cetakan.	D11-D16	6
Strategi untuk meningkatkan pengetahuan dan penghargaan terhadap buku.	D17-D23	7
Strategi untuk meningkatkan pengetahuan abjad.	D24-D29	6
Strategi untuk meningkatkan tulisan awal.	D30-D36	6
Strategi untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak.	D37-D44	8
Strategi berdasarkan kerja kumpulan	D45-D49	5
Jumlah keseluruhan		49

PROSEDUR PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA

Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data yang berbentuk skala likert. Data yang dikumpulkan akan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Semua data yang diperolehi daripada soal selidik akan dianalisis menggunakan perisian *SPSS* dengan menggunakan analisis deskriptif bagi melihat nilai min dan sisihan piawai serta interpretasi skor. Seterusnya, analisis *ANOVA* turut dilakukan bagi melihat perbezaan Penggunaan Strategi Pengajaran Bahasa Inggeris Guru Prasekolah Berdasarkan Pengalaman Mengajar.

DAPATAN

Analisis deskriptif bagi kajian ini melibatkan penggunaan min, kekerapan, peratusan, sisihan piawai, interpretasi skor min dan analisis *ANOVA*. Analisis dapatan kajian dijalankan mengikut persoalan kajian yang telah dinyatakan pada bahagian sebelumnya. Hasil analisis dapatan kajian dihuraikan secara terperinci seperti berikut:

Jadual 2.1 menunjukkan skor min dan interpretasi skor min. Skor min 1.00 – 2.33 mempunyai interpretasi skor min yang rendah manakala skor min 2.34 – 3.66 mempunyai interpretasi skor min yang sederhana. Seterusnya, skor min 3.67 – 5.00 mempunyai interpretasi skor min yang tinggi.

Jadual 2.1 Skor dan Interpretasi min.

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Creswell (2008)

DEMOGRAFI RESPONDEN

Demografi responden merujuk kepada maklumat responden iaitu jantina, umur, status, taraf akademik, pengalaman mengajar guru dan lokasi sekolah. Seramai 62 orang responden terdiri daripada guru-guru Prasekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia dan Prasekolah Swasta telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan melalui

Jadual 2.2 Demografi Responden

Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	2	3.2
Perempuan	60	96.8
Umur		
20-29 tahun	4	6.5
30-39 tahun	28	45.2
40-49 tahun	25	40.3
50 tahun ke atas	5	8.1
Status		
Belum Berkahwin	5	8.1
Berkahwin	56	90.3
Duda/Janda	1	1.6
Taraf Akademik		
SPM/STPM	3	4.8
Diploma	1	1.6
Ijazah Sarjana Muda	54	87.1
Sarjana	4	6.5
PHD	0	0
Pengalaman Mengajar		
Kurang dari 3 tahun	4	6.5
4-7 tahun	7	11.3
8-11 tahun	22	35.5
12 tahun ke atas	29	46.8
Jenis Sekolah Mengajar		
Sekolah Kebangsaan (SK)	53	85.5
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina SJK (C)	1	1.6
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil SJK (T)	5	8.1
Lain-lain	3	4.8
Lokasi Sekolah		
Bandar	30	48.4
Luar Bandar	32	51.6
Pedalaman	0	0

'Google Form' dan data yang diperolehi dipersembahkan dalam bentuk jadual. Jadual di bawah menunjukkan hasil analisis yang diperolehi daripada data output SPSS. Seramai 62 orang sampel kajian telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan. Dari aspek jantina, sampel guru perempuan lebih ramai dari guru lelaki iaitu guru lelaki sebanyak 2 orang dan peratusannya ialah (3.2%). Manakala bagi perempuan pula, terdiri daripada 60 orang dan peratusannya sebanyak (96.8%). Seterusnya demografi dari segi umur pula, bagi umur 20-29 tahun, kekerapannya adalah seramai 4 orang manakala peratusannya sebanyak (6.5%). Bagi umur 30-39 tahun pula, seramai 28 orang manakala peratusannya sebanyak (45.2%).

Demografi dari segi status pula terdiri daripada tiga kategori iaitu belum berkahwin, berkahwin dan akhir sekali kategori duda atau janda. Kategori berkahwin mempunyai kekerapan yang paling tinggi iaitu 56 orang (90.3%) dan kategori paling rendah ialah duda atau janda mempunyai

seramai seorang (1.6%). Seterunya, dari segi pengalaman kerja ianya mewakili empat kategori iaitu kurang 3 tahun, 4 – 7 tahun, 8 – 11 tahun dan 12 tahun ke atas. Peratusan tertinggi diwakili oleh pengalaman mengajar 12 tahun ke atas iaitu sebanyak 46.8 % dan seramai 29 orang. Peratusan yang terendah diwakili oleh guru yang mempunyai pengalaman bekerja kurang daripada 3 tahun iaitu sebanyak 6.5% iaitu seramai 4 orang. Bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar 4-7 tahun mempunyai peratusan sebanyak 11.3% iaitu seramai 7 orang manakala pengalaman mengajar guru 8-11 tahun pula seramai 22 orang iaitu 35.5%.

Secara keseluruhannya, Jadual 2.3 menunjukkan tahap penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua oleh guru Prasekolah berada pada tahap sederhana. Ini dapat dibuktikan daripada skor min yang paling tinggi iaitu ($M = 3.94$) dan min paling rendah ($M = 3.05$).

Jadual 2.3 Analisis Penggunaan Strategi Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua oleh guru Prasekolah

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
Strategi untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi.	3.05	.67	Sederhana
Strategi untuk meningkatkan kesedaran fonologikal.	3.56	.70	Sederhana
Strategi untuk meningkatkan kesedaran cetakan.	2.94	.73	Sederhana
Strategi untuk meningkatkan pengetahuan dan penghargaan terhadap buku.	3.15	.64	Sederhana
Strategi untuk meningkatkan pengetahuan abjad.	3.60	.71	Sederhana
Strategi untuk meningkatkan tulisan awal.	3.50	.74	Sederhana
Strategi untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak.	3.60	.67	Sederhana
Strategi berdasarkan kerja kumpulan.	3.28	.82	Sederhana

Berdasarkan jadual 2.4, dipaparkan min skor setiap kategori pengalaman mengajar. Responden dibahagi kepada empat kategori pengalaman mengajar iaitu kurang dari 3 tahun, 4 hingga 7 tahun, 8 hingga 11 tahun dan pengalaman mengajar lebih 12 tahun. Bagi sampel kajian ini ($n = 62$), skor min pengalaman mengajar 4 hingga 7

tahun lebih tinggi ($M = 3.57, SD = .79$), berbanding dengan guru yang berpengalaman kurang dari 3 tahun ($M = 3.25, SD = .50$), 8 hingga 11 tahun ($M = 2.94, SD = .60$) dan 12 tahun ke atas ($M = 2.98, SD = .65$). Secara keseluruhannya, tahap skor min bagi pengalaman mengajar guru berada pada tahap sederhana berdasarkan jumlah min 3.05.

Jadual 2.4 Skor min pengalaman mengajar guru

Pengalaman mengajar	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi skor
Kurang 3 tahun	3.25	.50	Sederhana
4 – 7 tahun	3.57	.79	Sederhana
8 – 11 tahun	2.94	.60	Sederhana
12 tahun ke atas	2.98	.65	Sederhana
Jumlah	3.05	.66	

Analisis Perbezaan Strategi Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua dalam kalangan Guru Prasekolah berdasarkan Pengalaman Mengajar.

Ujian *ANOVA* sehalal digunakan untuk menentukan perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan analisis

menunjukkan yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi Bahasa Inggeris untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi dalam kalangan guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar $F(3,58) = 2.024$, $p > 0.05$. Hasil dapatan di atas dapat dibuktikan dalam Jadual 2.5.

Jadual 2.5 Analisis ujian *ANOVA* terhadap penggunaan strategi untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi berdasarkan pengalaman mengajar

	Sum of Squares	df	Means Square	F	Sig
Antara kumpulan	2.487	3	.829	2.024	.121
Dalam kumpulan	23.757	58	.410		
Jumlah	26.244	61			

Ujian *ANOVA* sehalal digunakan untuk menentukan perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi bagi meningkatkan kesedaran fonologikal berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan analisis menunjukkan nilai $F(3,58) = 1.071$, $p > 0.05$ iaitu tidak terdapat perbezaan

yang signifikan terhadap penggunaan strategi Bahasa Inggeris untuk meningkatkan kesedaran fonologikal dalam kalangan guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar seperti yang ditunjukkan di Jadual 2.6.

Jadual 2.6 Hasil ujian *ANOVA* terhadap penggunaan strategi untuk meningkatkan kesedaran fonologikal berdasarkan pengalaman mengajar.

	Sum of Squares	df	Means Square	F	Sig
Antara kumpulan	1.573	3	.524	1.071	.369
Dalam kumpulan	28.388	58	.489		
Jumlah	29.961	61			

Ujian *ANOVA* sehalal digunakan untuk menentukan perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi bagi meningkatkan kesedaran cetakan berdasarkan pengalaman mengajar. Hasil dapatan ditunjukkan dalam

Jadual 2.7 di bawah. Dapatan analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi Bahasa Inggeris untuk meningkatkan kesedaran cetakan dalam kalangan guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar $F(3,58) = 0.992$, $p > 0.05$.

Jadual 2.7 Hasil ujian *ANOVA* terhadap strategi untuk meningkatkan kesedaran cetakan berdasarkan pengalaman mengajar.

	Sum of Squares	df	Means Square	F	Sig
Antara kumpulan	1.584	3	.528	.992	.403
Dalam kumpulan	30.873	58	.532		
Jumlah	32.457	61			

Ujian *ANOVA* sehalal digunakan untuk menentukan perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi bagi meningkatkan pengetahuan dan penghargaan terhadap buku berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan analisis menunjukkan iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan

terhadap penggunaan strategi Bahasa Inggeris untuk meningkatkan pengetahuan dan penghargaan terhadap buku dalam kalangan guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar $F(3,58) = 1.481$, $p > 0.05$ seperti yang ditunjukkan di Jadual 2.8.

Jadual 2.8 Hasil ujian ANOVA terhadap strategi untuk meningkatkan pengetahuan dan penghargaan terhadap buku berdasarkan pengalaman mengajar.

	Sum of Squares	df	Means Square	F	Sig
Antara kumpulan	1.758	3	.586	1.481	.229
Dalam kumpulan	22.956	58	.396		
Jumlah	24.714	61			

Ujian ANOVA sehalu digunakan untuk menentukan perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi bagi meningkatkan pengetahuan abjad berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan

strategi Bahasa Inggeris untuk meningkatkan pengetahuan abjad dalam kalangan guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar $F(3,58) = 1.303, p 0.05$ seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.9.

Jadual 2.9 Hasil ujian ANOVA terhadap strategi untuk meningkatkan pengetahuan abjad berdasarkan pengalaman mengajar.

	Sum of Squares	df	Means Square	F	Sig
Antara kumpulan	1.965	3	.655	1.303	.282
Dalam kumpulan	29.160	58	.503		
Jumlah	31.124	61			

Jadual 3.0 menunjukkan ujian ANOVA sehalu digunakan untuk menentukan perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi untuk meningkatkan tulisan awal berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan

terhadap penggunaan strategi Bahasa Inggeris untuk meningkatkan tulisan awal dalam kalangan guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar $F(3,58) = .254, p = .858$.

Jadual 3.0 Hasil ujian ANOVA terhadap strategi untuk meningkatkan tulisan awal.

	Sum of Squares	df	Means Square	F	Sig
Antara kumpulan	.430	3	.143	.254	.858
Dalam kumpulan	32.708	58	.564		
Jumlah	33.138	61			

Jadual 3.1 menunjukkan ujian ANOVA sehalu digunakan untuk menentukan perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan analisis menunjukkan tidak terdapat

perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi Bahasa Inggeris untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak dalam kalangan guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar $F(3,58) = .074, p = .974$.

Jadual 3.1 Hasil ujian ANOVA terhadap strategi untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak

	Sum of Squares	df	Means Square	F	Sig
Antara kumpulan	.105	3	.035	.074	.974
Dalam kumpulan	27.292	58	.471		
Jumlah	27.396	61			

Ujian ANOVA sehalu digunakan untuk menentukan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi kerja kumpulan berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi Bahasa

Inggeris kerja kumpulan dalam kalangan guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar $F(3,58) = 2.023, p = .024$ seperti di Jadual 3.2.

Jadual 3.2 Hasil ujian ANOVA terhadap strategi berdasarkan kerja kumpulan

	Sum of Squares	df	Means Square	F	Sig
Antara kumpulan	6.070	3	2.023	3.383	.024
Dalam kumpulan	34.687	58	.598		
Jumlah	40.757	61			

PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru Prasekolah dan menentukan perbezaan penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar. Hasil analisis mendapati penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru Prasekolah berada pada tahap yang sederhana. Seramai 62 orang guru Prasekolah telah menjawab soal selidik yang diedarkan. Didapati hanya 2 orang guru lelaki sahaja yang terlibat dalam menjawab soal selidik ini dan selebihnya adalah guru perempuan. Bagi kategori umur pula, peratusan tertinggi diwakili oleh guru Prasekolah yang berumur 30-39 tahun. Seterusnya, bagi status pula peratusan tertinggi diwakili oleh golongan guru Prasekolah yang telah berkahwin.

Taraf akademik pula, guru Prasekolah yang paling ramai menjawab soal selidik ini ialah bertaraf akademik Ijazah Sarjana Muda. Ini adalah kerana kebanyakan responden terdiri daripada guru-guru di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Manakala kategori pengalaman mengajar, peratusan tertinggi terdiri daripada guru Prasekolah yang telah mengajar lebih daripada 12 tahun. Guru Prasekolah yang mengajar di Sekolah Kebangsaan (SK) merupakan responden yang paling tinggi menjawab soal selidik yang diedarkan. Manakala guru Prasekolah yang mengajar di luar bandar paling ramai menjawab soal selidik yang diberikan.

Analisis strategi untuk meningkatkan pengetahuan abjad dan strategi untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak merupakan strategi yang lebih dominan berbanding strategi penggunaan yang lain. Manakala strategi untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi merupakan strategi yang kurang diminati oleh guru-guru Prasekolah. Secara keseluruhannya, analisis penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua oleh guru Prasekolah mempunyai interpretasi skor pada tahap sederhana.

Bagi menguji perbezaan strategi penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam kalangan guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar, analisis ANOVA sehala telah digunakan. Didapati tiada perbezaan bagi strategi penggunaan untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak dalam kalangan guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mereka.

Oleh itu, hasil daripada dapatan yang diperolehi membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan strategi Bahasa Inggeris untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi dalam kalangan guru Prasekolah berdasarkan pengalaman mengajar. Guru Prasekolah perlu mengenal pasti strategi pengajaran yang berkesan dalam memastikan murid mampu menguasai kemahiran Bahasa Inggeris (Hassan & Rahman 2021).

KESIMPULAN

Semua guru prasekolah perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi dan perlu sentiasa menambah pengetahuan baharu bagi memantapkan pengajaran dan pembelajaran mereka. Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan strategi pengajaran Bahasa Inggeris dalam kalangan guru Prasekolah berada pada tahap sederhana. Tahap pengajaran Bahasa Inggeris ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan lapan aspek strategi pengajaran yang dikaji iaitu penggunaan strategi untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi, strategi untuk meningkatkan kesedaran fonologikal, strategi untuk meningkatkan kesedaran cetakan, strategi untuk meningkatkan pengetahuan dan penghargaan terhadap buku, strategi untuk meningkatkan pengetahuan abjad, strategi untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak, strategi untuk meningkatkan tulisan awal dan strategi berdasarkan kerja kumpulan. Secara Kesimpulan, strategi pengajaran guru Prasekolah bagi Bahasa Inggeris perlu ditingkatkan bagi meningkatkan kemahiran bahasa dalam kalangan murid prasekolah.

RUJUKAN

- Abdullah, M., Radzi, N. M. M. & Zain, A. 2021. Penilaian Perisian Fonik Bahasa Inggeris Come and Read, Sayang! Sebagai Bahan Bantu Mengajar Guru Prasekolah. *Southeast Asia Early Childhood Journal* 10(1): 72-85.
- Achkasova, N. 2013. The Best Ways of Teaching English to Children: Using Children's Operas in Teaching to 5-to 6-Year-Old Children. *Online Submission* 3(6): 385-390.

- Baron, C. 2013. Using Inquiry-Based Instruction to Encourage Teachers' Historical Thinking at Historic Sites. *Teaching and Teacher Education* 35(157-169).
- Chabbi, H. 2020. Exploring the Efficiency of Teaching English Language to Algerian Very Young Learners in Enhancing Their Future Performance Case of Mama Zhou Kindergarten Biskra.
- Chia, L. L. 2015. Amalan Pengajaran Efektif Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Negeri Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Creswell, J. W. 2008. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Pearson/Merrill Prentice Hall.
- Eggen, P. & Kauchak, D. 2011. *Strategies and Models for Teachers: Teaching Content and Thinking Skills*. Pearson Higher Ed.
- Hashemi, M. & Azizinezhad, M. 2011. Teaching English to Children: A Unique, Challenging Experience for Teachers, Effective Teaching Ideas. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 30(2083-2087).
- Hassan, R. A. 2014. Kompetensi Guru Bukan Opsyen Yang Mengajar Kemahiran Teknikal Di Kolej Vokasional Negeri Pahang. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Hassan, C. Z. C., & Rahman, F. A. 2021. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.
- Jacobs, H. H. 2010. *Curriculum 21: Essential Education for a Changing World*. ASCD.
- Jain, C. 2017. Penerokaan Pengetahuan Teknologi, Pedagogi Dan Kandungan Dalam Kalangan Guru Prasekolah Di Daerah Sandakan, Sabah/Jain Chee. University of Malaya.
- Kamus Dewan*. 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid, M., Akhter, M. & Hashmi, A. 2017. Teaching Styles of Secondary School English Teachers and Learning Styles of Their Students and Relationship of Teaching Learning Style Match with Students' Achievement. *Bulletin of Education and Research* 39(3): 203-220.
- Klimova, B. F. 2013. Teaching English to Pre-School Children. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 93(503-507).
- Lovorn, M. 2017. Thinking Historically, Acting Locally: Training Teachers in Historiographical Analysis of Local Monuments. *Proceedings of The 9th MAC 2017* 204.
- Masnan, A. H., Sharif, M. H. M. & Josin, E. H. 2018. Preschool Teachers' Professionalism through Developmentally Appropriate Practices (Dap) Curriculum. *Journal of Social Science and Humanities* 1(5): 20-25.
- Rahman, M. N. A. & Noor, W. N. B. W. M. 2018. Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017: Retrospeksi Guru. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 5(3): 59-71.
- Rakib, M., Rombe, A. & Yunus, M. 2016. Pengaruh Pelatihan Dan Pengalaman Mengajar Terhadap Profesionalitas Guru (Studi Pada Guru Ips Terpadu Yang Memiliki Latar Belakang Pendidikan Dalam Bidang Pendidikan Ekonomi). *Jurnal Ad'ministrare" Jurnal Pemikiran Ilmiah dan Pendidikan Administrasi Perkantoran"* 3(2): 1-148.
- Savić, V. 2006. Current Issues in Learning English as a Foreign Language at Preschool: Challenges and Prospects.
- Setiyanti, A. 2021. Introducing English in Preschool through Developmentally Appropriate Practice (Dap). *English Language in Focus (ELIF)* 3(2)(159-168).
- Si, P. 2019. A Study of the Differences between Efl and Esl for English Classroom Teaching in China. *IRA International Journal of Education and Multidisciplinary Studies* 15(1):
- Yee, L. S. & Yunus, F. 2020. Hubungan Antara Sikap Dan Kepercayaan Pengurusan Ruang Pembelajaran Dengan Jantina, Tahap Pendidikan, Dan Pengalaman Mengajar Guru-Guru Prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(1): 156-164.
- Yong, M. & Rahman, A. A. 2014. Kompetensi Dimiliki Guru Pelatih Prasekolah Di Institut Pendidikan Guru. *International Education Postgraduate Seminar 2014*, hlm. 808.

Norhartini Yusoff
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Suziyani Mohamed
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: suziyani@ukm.edu.my